

## UMP bantu keluarga ibu tunggal bersama lima anak



Jaya Gading, 4 Jun- Ketibaan bulan Ramadan kali ini memberi sinar buat keluarga ibu tunggal, Lizawati Mustafa, 34 yang tinggal bersama lima orang anaknya apabila mendapat sumbangan keperluan kelengkapan rumah dan keperluan asas daripada pihak Universiti Malaysia Pahang (UMP) menerusi program Pra Asnaf baru-baru ini.

Lebih 20 sukarelawan pelajar dan staf UMP hadir menyertai aktiviti bergotong-royong mengemas dan membersihkan rumah anjuran Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) dengan kerjasama Persatuan Wanita UMP (Matahari).

Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata program ini merupakan inisiatif PIMPIN dan Matahari dalam membantu keluarga Lizawati anak-anaknya sempena Ramadan kali ini,

"Keluarga ini mempunyai tiga orang anak yang masih bersekolah yang berusia dari 8 tahun hingga 13 tahun dan dua orang anaknya yang masih belum sekolah dengan pendapatan ibunya sebagai tukang sapu. Sumbangan UMP pada kali ini bukan sahaja dari sumbangan barangan keperluan dan makanan malahan UMP turut bergotong royong membersihkan rumah serta menyusun peralatan," katanya.



Selain itu juga kita turut menyerahkan katil, almari, meja makan, meja belajar, almari dapur bagi kemudahan dan kegunaan mereka sekeluarga. Beliau mengharapkan kemudahan ini dapat memeriahkan lagi Ramadan mereka kali ini lebih bermakna.

Manakala menurut ibu tunggal, Lizawati, amat bersyukur dengan sumbangan yang diberikan ini untuk kegunaan pada bulan Ramadan ini. Sebelum ini beliau tidak pernah menyangka akan mendapat bantuan kelengkapan rumah sebegini apatah lagi setelah berpisah dengan suami sejak hampir dua tahun lalu.

Beliau yang bekerja sebagai Tukang Sapu di Sekolah Kebangsaan Fakeh, Jaya Gading berkata, dengan pendapatannya sebulan RM 800 sememangnya amat mencabar untuk menampung keperluan anak-anak dan perbelanjaan sekolah dan sewa rumah.





Pernah suatu ketika, ketika tiada wang, saya dan anak-anak memasak tepung untuk dibuat lempeng. Beliau telah bercerai dengan suaminya hampir dua tahun lalu. Namun baginya, walaupun keadaannya sebegini, beliau akan berusaha untuk memastikan anak-anaknya bersekolah .

Ujarnya, anak sulungnya Mohd Khairul Syafirudin, 13 mengidap *autistic* kini sedang bersekolah di Sekolah Menengah Kebangsaan Gudang Rasau manakala dua lagi anaknya Intan Maisarah, 11 dan Nor Atikah Najwa, 8 yang bersekolah di SK Fakeh. Seorang lagi anaknya yang masih belum bersekolah Mohd Zulfahmi yang berusia 5 tahun dan Mohd Luqman,3, akan dihantar ke rumah adiknya di Taman Tas untuk dijaga ketika beliau bekerja.



Tambahnya, beliau sememangnya melatih anak-anak agar berpuasa sejak mereka berusia 6 tahun dan bersyukur, walaupun mempunyai anak yang kurang upaya namun anaknya itu banyak membantu menguruskan adik-adiknya yang lain. Hadir sama Naib Canselor UMP, Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim bersama isteri, Datin Fazia Ali dan Pengarah PIMPIN, Dr. Mahyuddin Ismail.

***Disediakan oleh Nor Salwana Mohd. Idris dari Bahagian Komunikasi Korporat***

Posted By : NOR FADZILLAH BINTI ZULKIPLI Date Posted : 07-06-2016, 10:21:13